

BADAN PENGAWAS PEMEGANG SAHAM MINORITI BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia sebagai syarikat berhad menurut jaminan)

PENYATA KEWANGAN BERKANUN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER, 2014



BADAN PENGAWAS PEMEGANG SAHAM MINORITI BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia sebagai syarikat berhad menurut jaminan)

KANDUNGAN

	Halaman
Laporan Pengarah	1 - 4
Penyata Pendapatan Komprehensif	5
Penyata Kedudukan Kewangan	6
Penyata Perubahan dalam Dana Am dan Rizab	7
Penyata Aliran Tunai	8
Ringkasan Dasar Perakaunan Penting	9 -15
Nota Kepada Penyata Kewangan	16 - 25
Pernyataan Pengarah	26
Akuan Berkanun	26
Laporan Juruaudit Bebas	27 –28

BADAN PENGAWAS PEMEGANG SAHAM MINORITI BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia sebagai syarikat berhad menurut jaminan)

LAPORAN PENGARAH

Pengarah dengan ini membentangkan laporan mereka berserta penyata kewangan Syarikat yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014.

AKTIVITI UTAMA

Aktiviti utama adalah untuk menggalakkan tadbir urus korporat dalam syarikat melalui aktivisme pemegang saham yang bertindak demi kepentingan pemegang saham minoriti sebagai satu bahagian penting kepada pembangunan pasaran modal.

Tidak terdapat apa-apa perubahan ketara dalam jenis aktiviti ini sepanjang tahun kewangan.

KEPUTUSAN KEWANGAN

	RM
Lebihan bagi tahun kewangan	<u>1,069,795</u>

DIVIDEN

Menurut Memorandum Syarikat, tiada apa-apa dividen yang perlu dibayar kepada ahli-ahli Syarikat.

PERGERAKAN RIZAB DAN PERUNTUKAN

Semua pemindahan material kepada atau daripada rizab dan peruntukan semasa tahun kewangan ditunjukkan dalam penyata kewangan

PENGARAH

Pengarah yang memegang jawatan sepanjang tempoh sejak tarikh laporan terkini adalah seperti yang berikut:

Tan Sri Datuk Dr. Sulaiman Bin Mahbob
Tan Sri Dato' Lodin bin Wok Kamaruddin
Datuk Zakaria bin Sharif
(Pengarah Silih Ganti kepada Tan Sri Dato' Lodin bin Wok
Kamaruddin)
Dato' Larry Gan
Phillip Koh Tong Ngee
Rita Benoy Bushon
Nor Hizam bin Hashim

BADAN PENGAWAS PEMEGANG SAHAM MINORITI BERHAD (Diperbadankan di Malaysia sebagai syarikat berhad menurut jaminan)

LAPORAN PARA PENGARAH (SAMBUNGAN)

PENGARAH (SAMBUNGAN)

Menurut Perkara 61 Tataurusan Syarikat, Encik Nor Hizam Bin Hashim dan Puan Rita Benoy Bushon akan bersara pada Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang dan oleh kerana layak, mereka menawarkan diri untuk dilantik semula.

KEPENTINGAN PENGARAH

Syarikat ini ialah sebuah syarikat berhad menurut jaminan dan dengan itu tiada saham yang membolehkan Pengarah mempunyai kepentingan. Syarikat tidak menerbitkan apa-apa debentur.

MANFAAT PENGARAH

Semasa dan pada akhir tahun kewangan, tiada pengaturan yang diwujudkan dengan Syarikat sebagai salah satu pihak, iaitu pengaturan dengan objektif bagi membolehkan Pengarah Syarikat memperoleh manfaat menerusi pemerolehan saham dalam atau debentur bagi Syarikat atau mana-mana badan korporat lain.

Sejak akhir tahun kewangan yang lepas, tiada Pengarah yang menerima atau layak menerima apa-apa manfaat (selain saraan Pengarah yang dinyatakan dalam Nota 6 dan Nota 7) disebabkan kontrak yang dibuat oleh Syarikat atau syarikat berkaitan dengan Pengarah atau dengan firma yang Pengarah tersebut menjadi ahlinya, atau dengan syarikat yang di dalamnya Pengarah mempunyai kepentingan kewangan yang besar.

MAKLUMAT BERKANUN TENTANG PENYATA KEWANGAN

Sebelum penyata pendapatan komprehensif dan penyata kedudukan kewangan dibuat, Pengarah telah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya

- (a) bagi memastikan bahawa tindakan sewajarnya telah diambil berhubung dengan hapus kira hutang lapuk dan dalam membuat peruntukan hutang ragu serta berpuas hati bahawa semua hutang lapuk yang diketahui telah pun dihapus kira dan peruntukan yang mencukupi telah pun dibuat bagi hutang ragu; dan
- (b) bagi memastikan bahawa apa-apa aset semasa, selain hutang, yang tidak mungkin dapat direalisasikan dalam perjalanan biasa perniagaan, nilainya seperti yang ditunjukkan dalam rekod perakaunan Syarikat telah disusut kira kepada amaun anggaran yang boleh direalisasikan.

BADAN PENGAWAS PEMEGANG SAHAM MINORITI BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia sebagai syarikat berhad menurut jaminan)

LAPORAN PARA PENGARAH (SAMBUNGAN)

MAKLUMAT BERKANUN TENTANG PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)

Pada tarikh laporan ini, Pengarah tidak mengetahui apa-apa keadaan:

- (a) yang boleh menyebabkan amaun hutang lapuk yang dihapus kira atau amaun peruntukan hutang ragu dalam penyata kewangan Syarikat tidak mencukupi pada apa-apa tahap yang ketara; atau
- (b) yang boleh menjadikan nilai yang ditentukan ke atas aset semasa dalam penyata kewangan Syarikat mengelirukan; atau
- (c) yang timbul yang boleh menjadikan kepatuhan kepada kaedah sedia ada bagi penilaian aset atau liabiliti Syarikat mengelirukan atau tidak sesuai.

Tiada liabiliti luar jangka atau liabiliti lain yang telah berkuat kuasa atau mungkin berkuat kuasa dalam tempoh dua belas bulan selepas akhir tahun kewangan yang, pada pendapat Pengarah, akan atau boleh menjejaskan dengan ketara kemampuan Syarikat dalam memenuhi obligasinya bila sampai tempohnya.

Pada tarikh laporan ini, tidak wujud:

- (a) apa-apa gadaian ke atas aset Syarikat yang timbul sejak akhir tahun kewangan yang menjamin liabiliti mana-mana pihak lain; atau
- (b) apa-apa liabiliti luar jangka Syarikat yang timbul sejak akhir tahun kewangan.

Pada tarikh laporan ini, Pengarah tidak mengetahui tentang apa-apa keadaan yang tidak dibentangkan dalam laporan ini atau penyata kewangan yang boleh menjadikan apa-apa amaun yang dinyatakan dalam penyata kewangan ini mengelirukan.

Pada pendapat Pengarah,

- (a) keputusan operasi Syarikat semasa tahun kewangan tidak terjejas dengan ketara oleh apa-apa perkara, urusan niaga atau kejadian penting serta bersifat luar biasa; dan
- (b) dalam sela masa antara akhir tahun kewangan dan tarikh laporan ini tidak timbul apa-apa perkara, urusan niaga atau kejadian penting dan bersifat luar biasa yang berkemungkinan menjejaskan dengan ketara keputusan operasi Syarikat bagi tahun kewangan yang mana laporan ini dibuat.

BADAN PENGAWAS PEMEGANG SAHAM MINORITI BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia sebagai syarikat berhad menurut jaminan)

LAPORAN PENGARAH (SAMBUNGAN)

JURUAUDIT

Juruaudit, PricewaterhouseCoopers, telah menyatakan kesanggupan mereka untuk meneruskan perkhidmatan.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah sejajar dengan resolusi mereka.



TAN SRI DATUK DR SULAIMAN BIN MAHBOB
PENGARAH



RITA BENOY BUSHON
PENGARAH

Kuala Lumpur
16 Februari 2015

BADAN PENGAWAS PEMEGANG SAHAM MINORITI BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia sebagai syarikat berhad menurut jaminan)

PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER, 2014

	<u>Nota</u>	<u>2014</u> RM	<u>2013</u> RM
Hasil	2	1,187,451	855,024
Geran	3	5,013,563	5,131,678
Pendapatan operasi lain	4	135,198	125,710
Kos kakitangan	5	(3,189,447)	(3,174,702)
Susut nilai hartanah dan peralatan		(96,072)	(95,662)
Perbelanjaan operasi lain		(1,728,044)	(1,861,314)
Jumlah perbelanjaan		<u>(5,013,563)</u>	<u>(5,131,678)</u>
Lebihan sebelum cukai	7	1,322,649	980,734
Cukai	8	(252,854)	447,283
Lebihan bagi tahun kewangan		<u>1069,795</u>	<u>1,428,017</u>
Pendapatan komprehensif lain:			
Item yang mungkin diklasifikasikan semula kepada untung atau rugi:			
Perubahan nilai saksama ke atas aset kewangan sedia dijual			
Caj nilai saksama kasar		(6,650)	13,317
Cukai tertunda		2 523	<u>(3329)</u>
Perubahan nilai saksama bersih		<u>(4,127)</u>	<u>9,988</u>
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan		<u><u>1,065,668</u></u>	<u><u>1,438,005</u></u>

BADAN PENGAWAS PEMEGANG SAHAM MINORITI BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia sebagai syarikat berhad menurut jaminan)

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN SETAKAT 31 DISEMBER, 2014

	<u>Nota</u>	<u>2014</u> RM	<u>2013</u> RM
ASET BUKAN SEMASA			
Hartanah dan peralatan	9	226,507	298,258
Aset kewangan sedia dijual	10	138,795	143,922
Aset cukai tertunda	11	592,769	618,331
		<hr/> 958,071	<hr/> 1,060,511
ASET SEMASA			
Belum terima, deposit dan bayaran terdahulu lain	12	245,424	269,485
Tunai dan kesetaraan tunai	13	5,979,614	5,414,029
		<hr/> 6,225,038	<hr/> 5,683,514
TOLAK: LIABILITI SEMASA			
Geran tertunda	3	2,146,252	2,659,815
Belum terima dan akruan lain		1,091,131	1,227,924
Liabiliti cukai semasa		46,182	22,410
		<hr/> 3,283,565	<hr/> 3,910,149
ASET SEMASA BERSIH		<hr/> 294,1473	<hr/> 1,773,365
		<hr/> 3,899,544	<hr/> 2,833,876
DI WAKILI OLEH:			
Dana am		5,801,000	5,801,000
Kerugian terkumpul		(1,944,239)	(3,014,034)
Rizab sedia dijual		42,783	46,910
		<hr/> 3,899,544	<hr/> 2,833,876

BADAN PENGAWAS PEMEGANG SAHAM MINORITI BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia sebagai syarikat berhad menurut jaminan)

**PENYATA PERUBAHAN DALAM KUMPULAN WANG AM DAN
RIZAB BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014**

	<u>Dana am</u> RM	<u>Kerugian terkumpul</u> RM	<u>Rizab sedia dijual</u> RM	<u>Jumlah</u> RM
Pada 1 Januari 2014	5,801,000	(3,014,034)	46,910	2,833,876
Pendapatan komprehensif: - Lebihan bagi tahun kewangan-		1069,795	-	1069,795
Pendapatan komprehensif lain: - Aset kewangan sedia dijual, bersih daripada cukai tertunda	-	-	(4,127)	(4,127)
Pada 31 Disember 2014	<u>5,801,000</u>	<u>(1,944,239)</u>	<u>42,783</u>	<u>3,899,544</u>
Pada 1 Januari 2013	5,801,000	(4,442,051)	36,922	1,395,871
Pendapatan komprehensif: - Lebihan bagi tahun kewangan	-	1,428,017	-	1,428,017
Pendapatan komprehensif lain: - Aset kewangan sedia dijual, bersih daripada cukai tertunda	-	-	9,988	9,988
Pada 31 Disember 2013	<u>5,801,000</u>	<u>(3,014,034)</u>	<u>46,910</u>	<u>2,833,876</u>

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

	<u>Nota</u>	<u>2014</u> RM	<u>2013</u> RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI			
Lebihan sebelum cukai		1,322,649	980,734
Pelarasan bagi item bukan tunai:			
Geran		(5,013,563)	(5,131,678)
Fi perkhidmatan pelanggan		(232,864)	(277,366)
Keuntungan daripada pelupusan aset kewangan sedia dijual		(376)	(3,015)
Susut nilai hartanah dan peralatan		96,072	95,662
Hartanah dan peralatan dihapus kira		-	1,966
Pendapatan dividen		(5,496)	(5,339)
Pendapatan faedah		(125,576)	(113,010)
		<hr/>	<hr/>
Perubahan dalam modal kerja:		(3,959,154)	(4,452,046)
Belum terima		55,264	(124,173)
Belum bayar		(251,789)	224,305
		<hr/>	<hr/>
Tunai digunakan dalam aktiviti operasi		(4,155,679)	(4,351,914)
Fi perkhidmatan pelanggan diterima		347,860	213,391
Pendapatan dividen diterima		5,496	4,998
Pendapatan faedah diterima		94,373	127,379
Cukai dibayar		(200,997)	(21,440)
		<hr/>	<hr/>
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti operasi		(3,908,947)	(4,027,586)
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN			
Pembelian hartanah dan peralatan		(24,321)	(88,593)
Pembelian aset kewangan sedia dijual		(2,437)	(2,593)
Hasil daripada pelupusan aset kewangan sedia dijual		1,290	5,019
		<hr/>	<hr/>
Tunai bersih digunakan untuk aktiviti pelaburan		(25,468)	(86,167)
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN			
Geran diterima		4,500,000	4,500,000
		<hr/>	<hr/>
Tunai bersih yang dijana daripada aktiviti pembiayaan		4,500,000	4,500,000
		<hr/>	<hr/>
Peningkatan tunai dan kesetaraan tunai semasa tahun kewangan		565,585	386,247
		<hr/>	<hr/>
Tunai dan kesetaraan tunai pada permulaan tahun kewangan		5,414,029	5,027,782
		<hr/>	<hr/>
Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun kewangan	13	5,979,614	5,414,029
		<hr/>	<hr/>

BADAN PENGAWAS PEMEGANG SAHAM MINORITI BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia sebagai syarikat berhad menurut jaminan)

RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING BAGI TAHUN
KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

A ASAS PENYEDIAAN

Penyata kewangan Syarikat ini telah disediakan mengikut peruntukan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (Malaysian Financial Reporting Standard, "MFRS"), Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa dan keperluan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia.

Penyata kewangan ini telah disediakan di bawah kelaziman kos sejarah seperti yang dipinda oleh aset kewangan sedia dijual.

Penyediaan penyata kewangan yang mematuhi keperluan MFRS menghendaki penggunaan anggaran perakaunan dan andaian tertentu yang kritikal yang memberi kesan kepada amaun aset dan liabiliti dan dedahan aset dan liabiliti luar jangka yang dilaporkan pada tarikh penyata kewangan, dan amaun pendapatan dan perbelanjaan semasa tempoh pelaporan. Ia juga memerlukan Pengarah menggunakan pertimbangan mereka dalam proses mengguna pakai dasar perakaunan Syarikat. Walaupun anggaran dan pertimbangan ini berasaskan pengetahuan terbaik Pengarah tentang peristiwa dan tindakan semasa, hasil sebenar mungkin berbeza. Bidang yang melibatkan tahap pertimbangan yang tinggi dan kompleks atau bidang yang andaian dan anggarannya adalah penting pada penyata kewangan didedahkan dalam Nota M.

(a) Piawaian, pindaan kepada piawaian yang diterbitkan dan tafsiran yang berkuat kuasa

Pindaan berikut telah diterima pakai oleh Syarikat buat kali pertama bagi tahun kewangan bermula pada atau selepas 1 Januari 2014 dan mempunyai kesan ketara ke atas Syarikat:

- Pindaan pada MFRS 136 'Rosotnilai aset' yang mengeluarkan dedahan tertentu amaun boleh pulih CGU dan memasukkannya ke dalam MFRS 136 dengan terbitnya MFRS 13

(b) Piawaian, pindaan kepada piawaian yang diterbitkan dan tafsiran kepada piawaian sedia ada yang berkaitan dengan Syarikat tetapi belum lagi berkuat kuasa

Beberapa piawaian baharu dan pindaan kepada piawaian dan tafsiran mula berkuat kuasa bagi tempoh tahunan bermula selepas 1 Januari 2014. Tiada satu pun daripadanya dijangka mempunyai kesan ketara ke atas penyata kewangan disatukan Kumpulan, kecuali kepada yang dinyatakan di bawah:

- Pindaan kepada MFRS 116 "Hartanah, loji dan peralatan" dan MFRS 138 'Aset Tak Ketara' (berkuat kuasa dari 1 Januari 2016) menjelaskan bahawa penggunaan kaedah berasaskan hasil untuk mengira susut nilai dan pelunasan sesuatu item hartanah, loji dan peralatan dan item tak ketara adalah tidak sesuai. Ini kerana hasil yang dijana oleh aktiviti yang merangkumi penggunaan aset umumnya mencerminkan faktor selain penggunaan manfaat ekonomi yang terkandung dalam aset.

Pindaan kepada MFRS 138 juga menjelaskan bahawa hasil secara umumnya dianggap sebagai asas yang tidak sesuai untuk mengukur penggunaan manfaat ekonomi yang terkandung dalam aset tak ketara. Anggapan ini dapat diatasi hanya dalam keadaan tertentu apabila aset tak ketara dinyatakan sebagai ukuran hasil atau apabila ia menunjukkan bahawa hasil dan penggunaan manfaat ekonomi ke atas aset tak ketara amat berkait rapat.

BADAN PENGAWAS PEMEGANG SAHAM MINORITI BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia sebagai syarikat berhad menurut jaminan)

**RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING BAGI
TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014**

A ASAS PENYEDIAAN (SAMBUNGAN)

- (b) Piawaian, pindaan kepada piawaian yang diterbitkan dan tafsiran kepada piawaian sedia ada yang berkaitan dengan Syarikat tetapi belum lagi berkuat kuasa (sambungan)
- MFRS 9 'Instrumen Kewangan' (berkuat kuasa dari 1 Januari 2018) akan menggantikan MFRS 139 "Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran". Versi lengkap MFRS 9 telah dikeluarkan pada bulan November 2014.

MFRS 9 mengekalkan tetapi memudahkan model pengukuran bercampur dalam MFRS 139 dan menetapkan tiga kategori utama pengukuran aset kewangan: kos terlunas, nilai saksama melalui untung atau rugi dan nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain (*other comprehensive income*, "OCI"). Asas klasifikasi bergantung pada model perniagaan entiti dan ciri-ciri aliran tunai berkontrak aset kewangan. Pelaburan dalam instrumen ekuiti sentiasa diukur pada nilai saksama melalui untung atau rugi dengan opsyen tidak boleh batal pada permulaan untuk membentangkan perubahan dalam nilai saksama dalam OCI (dengan syarat instrumen itu tidak dipegang untuk dagangan). Instrumen hutang diukur pada kos terlunas hanya jika entiti itu memegangnya untuk mengumpul aliran tunai berkontrak dan aliran tunai mewakili pokok serta faedah.

Bagi liabiliti, piawaian ini mengekalkan sebahagian besar keperluan MFRS 139. Ini termasuk perakaunan kos terlunas bagi kebanyakan liabiliti kewangan, dengan derivatif terbenam dwicabang. Perubahan utama ialah, dalam kes apabila opsyen nilai saksama diambil terhadap liabiliti kewangan, maka bahagian perubahan nilai saksama akibat risiko kredit entiti itu sendiri akan direkod dalam pendapatan komprehensif lain dan bukannya dalam penyata pendapatan, melainkan jika ini mewujudkan ketakpadanan perakaunan.

Kini terdapat model kerugian kredit dijangka baharu tentang rosotnilai bagi semua aset kewangan yang menggantikan model kerugian rosotnilai yang ditanggung yang digunakan dalam MFRS 139. Model kerugian kredit dijangka ini memandang ke depan dan menghapuskan keperluan supaya peristiwa pencetus berlaku terlebih dahulu sebelum kerugian kredit diiktiraf.

B HARTANAH DAN PERALATAN

Hartanah dan peralatan dinyatakan pada kos sejarah ditolak susut nilai terkumpul dan kerugian rosotnilai. Kos sesuatu item hartanah dan peralatan yang diiktiraf pada awalnya termasuk harga pembeliannya dan apa-apa kos yang berkaitan secara langsung untuk membawa aset itu ke lokasi dan keadaan yang diperlukan untuk ia mampu beroperasi dengan cara yang ditetapkan oleh pihak pengurusan.

Kos berikutnya pula akan dimasukkan dalam amaun dibawa aset tersebut atau diiktiraf sebagai aset berasingan, mengikut kesesuaian, hanya apabila ada kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa depan yang berkaitan dengan item tersebut akan mengalir kepada Syarikat dan kos item tersebut boleh diukur dengan tepat. Amaun dibawa bahagian yang diganti akan dinyahiktiraf. Semua pembaikan dan penyelenggaraan lain diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata untung atau rugi semasa tempoh kewangan apabila ia ditanggung.

Keuntungan dan kerugian ke atas pelupusan ditentukan dengan membandingkan penerimaan dengan amaun dibawa dan dimasukkan dalam keuntungan atau kerugian bagi pelupusan hartanah dan peralatan dalam untung atau rugi.

BADAN PENGAWAS PEMEGANG SAHAM MINORITI BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia sebagai syarikat berhad menurut jaminan)

RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER, 2014 (SAMBUNGAN)

B HARTANAH DAN PERALATAN (SAMBUNGAN)

Semua hartanah dan peralatan disusut nilai berasaskan kaedah garis lurus untuk memperuntukkan kos kepada nilai sisa sepanjang anggaran hayat berguna, seperti yang berikut:

Komputer dan peralatan elektronik	20%
Perabot danengkapan	20%
Peralatan pejabat	20%
Kenderaan	20%
Ubahsuai	20%

Nilai sisa dan hayat berguna aset akan disemak semula dan diselaraskan jika sesuai, pada akhir tempoh pelaporan.

Pada akhir tempoh pelaporan, Syarikat menilai sama ada terdapat apa-apa petunjuk rosotnilai. Jika terdapat petunjuk yang sedemikian, analisis akan dilakukan untuk menilai sama ada amaun dibawa aset itu boleh pulih sepenuhnya. Turun nilai akan dibuat jika amaun dibawa melebihi amaun boleh pulih. Lihat dasar perakaunan Nota L tentang rosotnilai aset bukan kewangan.

C CUKAI PENDAPATAN

Perbelanjaan cukai bagi tempoh merangkumi cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai diiktiraf dalam penyata untung atau rugi, kecuali sehingga ke tahap yang mana ia berkaitan dengan item yang diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain atau secara langsung dalam ekuiti. Dalam hal ini, cukai juga diiktiraf masing-masing dalam pendapatan komprehensif lain atau secara langsung dalam ekuiti.

Caj cukai pendapatan semasa dikira atas asas undang-undang cukai yang telah digubal atau digubal sebahagian besarnya pada akhir tempoh pelaporan ini di negara-negara yang mana Syarikat beroperasi dan menjana pendapatan boleh cukai.

Pengurusan menilai kedudukan yang diambil dalam penyata cukai secara berkala berhubung dengan situasi yang mana peraturan cukai yang berkaitan adalah tertakluk kepada tafsiran. Ia menetapkan peruntukan apabila sesuai berasaskan amaun yang dijangka perlu dibayar kepada pihak berkuasa cukai. Liabiliti ini diukur menggunakan anggaran terbaik tunggal untuk keputusan yang paling berkemungkinan berlaku.

Cukai tertunda diiktiraf menggunakan kaedah liabiliti, ke atas perbezaan sementara yang timbul antara amaun yang dikaitkan dengan aset dan liabiliti untuk tujuan cukai dan amaun dibawa mereka dalam penyata kewangan. Walau bagaimanapun, cukai tertunda tidak diambil kira jika ia timbul daripada pengiktirafan awal sesuatu aset atau liabiliti dalam urus niaga selain daripada kombinasi perniagaan yang pada masa urus niaga itu tidak akan memberi kesan baik kepada perakaunan mahupun kepada untung atau rugi boleh cukai. Cukai tertunda ditentukan menggunakan kadar cukai (dan undang-undang cukai) yang telah digubal atau digubal sebahagian besarnya pada akhir tempoh pelaporan dan dijangka akan diguna pakai apabila aset cukai tertunda berkaitan direalisasikan atau liabiliti cukai tertunda dilangsikan.

Aset cukai tertunda diiktiraf setakat mana terdapat kemungkinan bahawa untung boleh cukai akan tersedia supaya perbezaan sementara boleh kurang, kerugian cukai belum guna atau kredit cukai belum guna boleh digunakan.

Liabiliti cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara boleh cukai, kecuali apabila masa penarikbalikan perbezaan sementara tersebut dikawal oleh Syarikat dan ada kemungkinan bahawa perbezaan sementara itu tidak akan berbalik pada masa depan.

BADAN PENGAWAS PEMEGANG SAHAM MINORITI BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia sebagai syarikat berhad menurut jaminan)

RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER, 2014 (SAMBUNGAN)

C CUKAI PENDAPATAN (SAMBUNGAN)

Aset dan liabiliti cukai pendapatan tertunda diofset apabila terdapat hak boleh kuatkuasa disisi undang-undang untuk mengofset aset cukai semasa dengan liabiliti cukai semasa dan apabila aset dan liabiliti cukai pendapatan tertunda berkait dengan cukai yang dikenakan oleh pihak berkuasa cukai yang sama terhadap entiti boleh cukai ke atas entiti boleh cukai yang berbeza apabila terdapat niat untuk menyelesaikan baki tersebut secara basis bersih.

D TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

Bagi tujuan penyata aliran tunai, tunai dan kesetaraan tunai dipegang untuk tujuan memenuhi komitmen tunai jangka pendek dan bukannya untuk pelaburan atau tujuan lain. Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada tunai di tangan dan deposit panggilan dengan bank.

E PENGIKTIRAFAN HASIL

Hasil terdiri daripada nilai saksama pertimbangan yang diterima atau belum terima bagi penjualan barangan dan perkhidmatan dalam perjalanan biasa aktiviti Syarikat.

Syarikat mengiktiraf hasil apabila amaun hasil boleh diukur dengan tepat, dan terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa depan akan mengalir kepada entiti tersebut dan kriteria tertentu telah dipenuhi bagi setiap aktiviti Syarikat seperti yang dinyatakan di bawah. Syarikat membuat anggaran berasaskan keputusan sejarah dengan mengambil kira jenis pelanggan, jenis urus niaga dan spesifik bagi setiap pengeluaran.

Hasil diiktiraf berdasarkan asas berikut:

- (i) Pendapatan daripada perkhidmatan proksi diiktiraf apabila perkhidmatan diberikan.
- (ii) Sumbangan untuk penerbitan dan laporan diiktiraf apabila terdapat penyerahan penerbitan dan laporan.
- (iii) Pendapatan daripada forum dan acara diiktiraf atas asas akruan.
- (iv) Pendapatan daripada perkhidmatan pelanggan diiktiraf pada asas akruan.
- (v) Pendapatan faedah diiktiraf atas asas akruan.
- (vi) Pendapatan dividen daripada pelaburan dalam saham disebut harga diiktiraf pada tarikh tanpa dividen.

F GERAN

Geran berkaitan kos adalah ditunda dan diiktiraf dalam penyata untung atau rugi sepanjang tempoh yang diperlukan untuk memadankannya dengan kos yang sepatutnya dibayar.

BADAN PENGAWAS PEMEGANG SAHAM MINORITI BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia sebagai syarikat berhad menurut jaminan)

RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER, 2014 (SAMBUNGAN)

G MANFAAT PEKERJA

Manfaat jangka pendek

Upah, gaji, cuti tahunan berbayar dan cuti sakit, bonus dan manfaat bukan monetari diakru dalam tahun kewangan apabila perkhidmatan yang berkaitan diberikan oleh pekerja Syarikat.

Manfaat selepas pekerjaan

Syarikat mencarum kepada pelan caruman ditentukan nasional bagi pekerja Syarikat. Caruman kepada pelan ini dicaj ke dalam untung atau rugi pada tahun kewangan ia berlaku. Apabila caruman telah dibayar, Syarikat tidak lagi mempunyai obligasi untuk membuat pembayaran selanjutnya.

H ASET KEWANGAN SEDIA DIJUAL

Aset kewangan sedia dijual merupakan bukan derivatif yang ditetapkan sama ada dalam kategori ini atau tidak diklasifikasikan sebagai dipegang untuk dagangan atau dipegang hingga matang. Ia dimasukkan ke dalam aset bukan semasa kecuali apabila pelaburan menjadi matang atau pengurusan bercadang melupuskannya dalam tempoh dua belas bulan dari akhir tempoh pelaporan. Semua pelaburan dalam instrumen ekuiti diklasifikasikan sebagai aset kewangan sedia dijual.

Aset kewangan sedia dijual pada mulanya diiktiraf pada nilai saksama ditambah kos urus niaga dan seterusnya dibawa pada nilai saksama. Perubahan dalam nilai saksama aset kewangan sedia dijual diiktiraf secara langsung dalam pendapatan komprehensif lain kecuali kerugian rosotnilai dan keuntungan dan kerugian pertukaran asing ke atas aset monetari. Perbezaan pertukaran ke atas aset monetari diiktiraf dalam untung atau rugi manakala perbezaan pertukaran ke atas aset bukan monetari diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain sebagai sebahagian daripada perubahan nilai saksama.

Pendapatan faedah dan dividen ke atas aset kewangan sedia dijual diiktiraf secara berasingan dalam untung atau rugi. Pendapatan dividen ke atas instrumen ekuiti sedia dijual diiktiraf dalam untung atau rugi apabila hak Syarikat untuk menerima bayaran itu telah ditentukan.

Syarikat akan membuat penilaian pada akhir tempoh pelaporan sama ada terdapat bukti objektif bahawa aset kewangan atau kumpulan aset kewangan telah terjejas.

Dalam hal sekuriti ekuiti yang dikelaskan sebagai sedia dijual, penurunan yang ketara atau berpanjangan dalam nilai saksama sekuriti di bawah kosnya juga dianggap sebagai petunjuk bahawa aset itu telah terjejas. Jika apa-apa bukti tersebut wujud bagi aset kewangan sedia dijual, kerugian terkumpul yang telah diiktiraf secara langsung dalam ekuiti dikeluarkan daripada ekuiti dan diiktiraf dalam untung atau rugi. Akaun kerugian terkumpul yang dikelaskan semula kepada untung atau rugi adalah perbezaan antara kos pemerolehan dengan nilai saksama semasa, ditolak apa-apa kerugian rosotnilai ke atas aset kewangan itu yang sebelumnya diiktiraf dalam untung atau rugi. Kerugian rosotnilai yang diiktiraf dalam untung atau rugi ke atas instrumen ekuiti yang dikelaskan sebagai sedia dijual tidak akan dibalikkan melalui untung atau rugi.

Apabila aset kewangan sedia dijual telah dijual, pelarasan nilai saksama terkumpul yang diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain dikelaskan semula kepada untung atau rugi.

BADAN PENGAWAS PEMEGANG SAHAM MINORITI BERHAD

(Diperbadankan di Malaysia sebagai syarikat berhad menurut jaminan)

RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER, 2014 (SAMBUNGAN)

PAJAKAN OPERASI

Apabila sebahagian besar daripada risiko dan ganjaran pemilikan pajakan aset dikekalkan kepada pemberi pajak, ia dikelaskan sebagai pajakan operasi. Pembayaran yang dibuat di bawah pajakan operasi (selepas ditolak apa-apa insentif yang diterima daripada pemberi pajak) akan dicaj kepada untung atau rugi atas asas garis lurus semasa tempoh pajakan itu.

J PERUNTUKAN

Peruntukan diiktiraf apabila Syarikat mempunyai kewajipan undang-undang semasa atau kewajipan konstruktif semasa hasil daripada peristiwa lampau, apabila terdapat kemungkinan bahawa aliran keluar sumber akan diperlukan untuk menyelesaikan kewajipan tersebut, dan apabila anggaran boleh direalisasi bagi amaun itu boleh dibuat.

K LIABILITI LUAR JANGKA DAN ASET LUAR JANGKA

Syarikat tidak mengiktiraf liabiliti luar jangka tetapi mendedahkan kewujudannya dalam penyata kewangan. Liabiliti luar jangka ialah obligasi yang mungkin timbul daripada peristiwa lampau yang mana kewujudannya hanya akan disahkan dengan berlaku atau tidak berlakunya satu atau lebih peristiwa masa depan yang di luar kawalan Syarikat atau obligasi kini yang tidak diiktiraf kerana tiada kemungkinan bahawa aliran keluar sumber akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut. Liabiliti luar jangka juga timbul dalam keadaan yang amat jarang berlaku apabila terdapat liabiliti yang tidak boleh diiktiraf kerana ia tidak boleh diukur dengan tepat. Walau bagaimanapun, liabiliti luar jangka tidak termasuk kontrak jaminan kewangan. Aset luar jangka ialah aset yang mungkin timbul daripada peristiwa lampau yang mana kewujudannya hanya akan disahkan dengan berlaku atau tidak berlakunya satu atau lebih peristiwa masa depan yang di luar kawalan Syarikat. Syarikat tidak mengiktiraf aset luar jangka tetapi mendedahkan kewujudannya apabila aliran masuk manfaat ekonomi mungkin berlaku tetapi tidak boleh dikatakan dengan pasti.

L ROSOTNILAI ASET BUKAN KEWANGAN

Aset yang mempunyai hayat berguna tak tentu, misalnya muhibah atau aset tak ketara yang tidak sedia digunakan, tidak tertakluk kepada pelunasan dan akan diuji setiap tahun untuk rosotnilai. Aset yang tertakluk kepada pelunasan akan disemak bagi rosotnilai bila peristiwa atau perubahan dalam keadaan menunjukkan amaun dibawa mungkin tidak boleh pulih. Kerugian rosotnilai diiktiraf bagi amaun yang mana amaun dibawa bagi aset melebihi amaun boleh pulih. Amaun boleh pulih adalah amaun yang lebih tinggi daripada nilai saksama aset ditolak kos untuk menjual serta nilai sedang digunakan. Bagi tujuan penilaian rosotnilai, aset dikumpulkan pada tahap terendah apabila terdapat aliran tunai berasingan yang boleh dikenal pasti (unit penajaan tunai). Aset bukan kewangan selain daripada muhibah yang mengalami rosotnilai akan disemak untuk kemungkinan penarikbalikan rosotnilai pada akhir tempoh pelaporan itu.

Kerugian rosotnilai dicaj kepada untung atau rugi kecuali jika ia membalikkan penilaian semula sebelumnya, dan dalam kes ini ia dicaj kepada lebihan penilaian semula. Kerugian rosotnilai ke atas muhibah adalah tidak berbalik. Berhubung dengan aset-aset lain, apa-apa kenaikan seterusnya dalam amaun boleh pulih akan diiktiraf dalam untung atau rugi kecuali jika ia membalikkan kerugian rosotnilai ke atas aset yang dinilai semula yang mana dalam kes ini, ia akan dimasukkan ke lebihan rizab penilaian semula.

BADAN PENGAWAS PEMEGANG SAHAM MINORITI BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia sebagai syarikat berhad menurut jaminan)

RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER, 2014 (SAMBUNGAN)

M ANGGARAN PERAKAUNAN KRITIKAL

Syarikat membuat anggaran dan andaian berkaitan dengan masa depan. Mengikut takrifnya, anggaran perakaunan yang terhasil itu jarang menyamai hasil sebenar yang berkaitan. Anggaran dan andaian yang mempunyai risiko yang besar yang akan menyebabkan pelarasan yang ketara kepada amaun dibawa aset dan liabiliti dalam tahun kewangan akan datang ditangani di bawah.

Cukai Pendapatan

Pertimbangan yang penting adalah diperlukan dalam menentukan amaun cukai tertunda dari segi pemasaan penarikbalikan terhadap perbezaan sementara. Syarikat membuat anggaran terbaiknya berdasarkan maklumat yang terdapat pada tarikh kunci kira-kira. Apabila hasil cukai akhir perkara ini berbeza daripada amaun yang direkod pada awalnya, perbezaan tersebut akan memberi kesan terhadap aset dan liabiliti cukai semasa dan cukai tertunda dalam tempoh yang mana penentuan tersebut dibuat. Cukai tertunda dianggarkan berdasarkan kadar cukai yang telah digubal pada tarikh kunci kira-kira.

BADAN PENGAWAS PEMEGANG SAHAM MINORITI BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia sebagai syarikat berhad menurut jaminan)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER, 2014

1 MAKLUMAT AM

Aktiviti utama adalah untuk menggalakkan tadbir urus korporat dalam syarikat melalui aktivisme pemegang saham yang bertindak demi kepentingan pemegang saham minoriti sebagai satu bahagian penting kepada pembangunan pasaran modal.

Syarikat ini ialah Syarikat berhad menurut jaminan, diperbadankan dan bermastautin di Malaysia

Bilangan pekerja pada akhir tahun kewangan ialah 22 (2013: 22).

Alamat pejabat berdaftar dan pejabat utama perniagaan Syarikat adalah:

Tingkat 11, Bangunan KWSP,
No. 3, Changkat Raja Chulan,
Off Jalan Raja Chulan,
50200 Kuala Lumpur.

2 HASIL

	<u>2014</u> RM	<u>2013</u> RM
Sumbangan diterima daripada penerbitan/laporan yang diterbitkan	40,259	5,035
Forum dan acara	914,328	572,623
Fi perkhidmatan pelanggan	232,864	277,366
	<u>1,187,451</u>	<u>855,024</u>

3 GERAN

Geran yang diterima diiktiraf sebagai pembayaran ganti daripada Dana Pembangunan Pasaran Modal ("CMDF") untuk membiayai perbelanjaan operasi dan modal Syarikat.

	<u>2014</u> RM	<u>2013</u> RM
Baki pada 1 Januari	2,659,815	3,291,493
Geran diterima semasa tahun kewangan	4,500,000	4,500,000
Geran digunakan semasa tahun kewangan	(5,013,563)	(5,131,678)
	<u>2,146,252</u>	<u>2,659,815</u>

Pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014, perjanjian antara Syarikat dan CMDF bagi pembiayaan geran telah berakhir. Walaupun tiada perjanjian baharu dimuktamadkan pada tarikh laporan audit, CMDF telah menyatakan bahawa mereka akan meneruskan pembiayaan geran tersebut.

BADAN PENGAWAS PEMEGANG SAHAM MINORITI BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia sebagai syarikat berhad menurut jaminan)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

4 PENDAPATAN OPERASI LAIN

	<u>2014</u> RM	<u>2013</u> RM
Pendapatan dividen	5,496	5,339
Pendapatan faedah	125,576	113,010
Keuntungan ke atas pelupusan aset kewangan sedia dijual	376	3,015
Pendapatan lain	3,750	4,346
	<u>135,198</u>	<u>125,710</u>

5 KOS KAKITANGAN

Gaji dan bonus	2,518,294	2,337,063
Pelan caruman ditentukan ('EPF')	376,911	418,550
Ganjaran kakitangan	77,755	223,316
Manfaat pekerja lain	216,487	195,773
	<u>3,189,447</u>	<u>3,174,702</u>

Jumlah gaji, bonus dan caruman KWSP yang diterima oleh Ketua Pegawai Eksekutif dan Para Pengarah Syarikat semasa tahun kewangan ialah masing-masing sebanyak RM663,150 (2013: RM624,335) dan RM 134,477 (2013: RM126,096).

6 PERBELANJAAN OPERASI LAIN

	<u>2014</u> RM	<u>2013</u> RM
Fi Pengarah	97,500	66,000
Perbelanjaan Penyumberluaran	523,881	571,758
Perbelanjaan sewa	267,806	291,591
Perbelanjaan perjalanan, penginapan dan hiburan	149,361	156,196
Perbelanjaan forum dan acara	261,808	283,918
Perbelanjaan telekomunikasi	119,947	158,390
Insurans	130,739	112,344
Perbelanjaan Penjagaan Pejabat	131,566	155,411
Lain-lain	45,436	65,706
	<u>1,728,044</u>	<u>1,861,314</u>

BADAN PENGAWAS PEMEGANG SAHAM MINORITI BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia sebagai syarikat berhad menurut jaminan)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER, 2014 (SAMBUNGAN)

7 **LEBIHAN SEBELUM CUKAI**

	<u>2014</u> RM	<u>2013</u> RM
Lebihan sebelum cukai diperoleh selepas (caj)/kredit:		
Imbuan juruaudit	(15,000)	(15,000)
Elaun kehadiran mesyuarat Pengarah	(23,500)	(25,500)
Pendapatan faedah	125,576	113,010
Pendapatan dividen	5,496	5,339
Keuntungan ke atas pelupusan aset kewangan sedia dijual	376	3,015
	<hr/>	<hr/>

8 **CUKAI**

Cukai tahun semasa	246,182	(62,760)
(Lebihan) / kurangan peruntukan cukai tahun sebelumnya	(21,413)	101,712
Cukai tertunda (Nota 11)	28,085	(486,235)
	<hr/>	<hr/>
	252,854	(447,283)

Penyesuaian berangka antara lebihan sebelum cukai didarab dengan kadar cukai berkanun di Malaysia dan perbelanjaan cukai Syarikat adalah seperti berikut:

	<u>2014</u> RM	<u>2013</u> RM
Lebihan sebelum cukai	1,322,649	980,734
	<hr/>	<hr/>
Cukai dikira pada kadar cukai di Malaysia sebanyak 25% (2013: 25%)	330,662	245,184
Kesan cukai terhadap:		
. perbelanjaan tidak boleh kurang untuk tujuan cukai	38,855	70,304
. pendapatan tidak tertakluk kepada cukai	(27,287)	(170,539)
. Penggunaan kerugian cukai yang tidak diiktiraf sebelumnya	12,795	-
. pengiktirafan aset cukai tertunda yang tidak diiktiraf sebelumnya	(123,168)	(664,954)
. (lebihan)/kurangan peruntukan cukai tahun sebelumnya	(21,413)	101,712
. perubahan dalam perbezaan kadar cukai	32,356	-
. kesan perbezaan kadar cukai	10,054	(28,990)
	<hr/>	<hr/>
Cukai	252,854	(447,283)

BADAN PENGAWAS PEMEGANG SAHAM MINORITI BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia sebagai syarikat berhad menurut jaminan)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER, 2014 (SAMBUNGAN)

9 HARTANAH DAN PERALATAN

	Komputer dan peralatan elektronik RM	Perabot dan kelengkapan RM	Peralatan pejabat RM	Ubahsuai RM	Jumlah RM
<u>2014</u>					
<u>Kos</u>					
Pada 1 Januari 2014	200,935	74,210	117,737	174,291	567,173
Tambahan	11,190	-	13,131	-	24,321
Hapus kira	-	-	-	-	-
Pada 31 Disember 2014	<u>212,125</u>	<u>74,210</u>	<u>130,868</u>	<u>174,291</u>	<u>591,494</u>
<u>Susut nilai terkumpul</u>					
Pada 1 Januari 2014	130,682	51,087	53,387	33,759	268,915
Caj bagi tahun kewangan	28,674	10,957	21,583	34,858	96,072
Hapus kira	-	-	-	-	-
Pada 31 Disember 2014	<u>159,356</u>	<u>62,044</u>	<u>74,970</u>	<u>68,617</u>	<u>364,987</u>
<u>Nilai buku bersih</u>					
Pada 31 Disember 2014	<u>52,769</u>	<u>12,166</u>	<u>55,898</u>	<u>105,674</u>	<u>226,507</u>

BADAN PENGAWAS PEMEGANG SAHAM MINORITI BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia sebagai syarikat berhad menurut jaminan)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER, 2014 (SAMBUNGAN)

9 HARTANAH DAN PERALATAN (SAMBUNGAN)

	Komputer dan peralatan <u>elektronik</u> RM	Perabot dan <u>kelengkapan</u> RM	Peralatan <u>pejabat</u> RM	<u>Ubahsuai</u> RM	<u>Jumlah</u> RM
<u>2013</u>					
<u>Kos</u>					
Pada 1 Januari 2013	189,119	71,810	102,646	127,866	491,441
Tambahan	17,680	2,400	22,088	46,425	88,593
Hapus kira	(5,864)	-	(6,997)	-	(12,861)
Pada 31 Disember 2013	<u>200,935</u>	<u>74,210</u>	<u>117,737</u>	<u>174,291</u>	<u>567,173</u>
<u>Susut nilai terkumpul</u>					
Pada 1 Januari 2013	105,796	37,502	38,718	2,131	184,147
Caj bagi tahun kewangan	30,563	13,585	19,886	31,628	95,662
Hapus kira	(5,677)	-	(5,217)	-	(10,894)
Pada 31 Disember 2013	<u>130,682</u>	<u>51,087</u>	<u>53,387</u>	<u>33,759</u>	<u>268,915</u>
<u>Nilai buku bersih</u>					
Pada 31 Disember 2013	<u>70,253</u>	<u>23,123</u>	<u>64,350</u>	<u>140,532</u>	<u>298,258</u>

10 ASET KEWANGAN SEDIA DIJUAL

	2014 RM	2013 RM
Pada nilai saksama:		
Saham disebut harga di Malaysia	147,057	152,239
Peruntukan rosot nilai	(8,262)	(8,317)
	<u>138,795</u>	<u>143,922</u>
Pada nilai saksama::		
Saham disebut harga di Malaysia	<u>138,795</u>	<u>143,922</u>

Semua saham ini dipegang bagi jangka panjang dengan maksud memberikan lokus standi untuk mengambil bahagian dalam hal ehwal syarikat penerima pelaburan.

Semua saham ini diukur pada nilai saksama berdasarkan harga yang disebut dalam pasaran aktif dan diklasifikasikan sebagai pengukuran hierarki nilai saksama Peringkat 1 menurut MFRS 7 "Instrumen Kewangan-Pendedahan".

BADAN PENGAWAS PEMEGANG SAHAM MINORITI BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia sebagai syarikat berhad menurut jaminan)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER, 2014 (SAMBUNGAN)

11 ASET CUKAI TERTUNDA/ LIABILITI CUKAI TERTUNDA

Aset dan liabiliti cukai tertunda diofset apabila terdapat hak boleh kuatkuasa disisi undang-undang untuk tolak selesai aset cukai semasa dengan liabiliti cukai semasa dan apabila cukai tertunda adalah berkaitan dengan pihak berkuasa cukai yang sama. Amaun berikut, yang ditentukan selepas diofset sewajarnya, ditunjukkan dalam penyata kedudukan kewangan:

<u>Tertakluk kepada</u> <u>cukai pendapatan:</u>	<u>2014</u> RM	<u>2013</u> RM
Aset cukai tertunda (selepas diofset)	<u>592,769</u>	<u>618,331</u>

Pergerakan aset cukai tertunda dan liabiliti cukai tertunda semasa tahun kewangan adalah seperti berikut:

	<u>2014</u> RM	<u>2013</u> RM
Pada 1 Januari	618,331	135,425
(Caj)/kredit pada untung atau rugi (Nota 8)	(28,085)	486,235
.Hartanah dan peralatan	10,190	36,974
.Kerugian cukai tidak digunakan		(215,693)
.Geran tertunda	(161,443)	664,954
.Peruntukan	123,168	
Caj pada pendapatan komprehensif	<u>2,523</u>	<u>(3,329)</u>
Pada 31 Disember	<u>592,769</u>	<u>618,331</u>

Komponen aset/ liabiliti cukai tertunda sebelum/selepas diofset sewajarnya adalah seperti yang berikut:

	<u>2014</u> RM	<u>2013</u> RM
Aset cukai tertunda (sebelum diofset)		
.Geran tertunggak	503,511	664,954
.Peruntukan	123,168	
	<u>626,679</u>	<u>664,954</u>
Ofset	(33,910)	(46,623)
Aset cukai tertunda (selepas diofset)	<u>592,769</u>	<u>618,331</u>

BADAN PENGAWAS PEMEGANG SAHAM MINORITI BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia sebagai syarikat berhad menurut jaminan)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER, 2014 (SAMBUNGAN)

11 ASET CUKAI TERTUNDA/ LIABILITI CUKAI TERTUNDA (SAMBUNGAN)

	<u>2014</u> RM	<u>2013</u> RM
Liabiliti cukai tertunda) (sebelum diofset)		
Hartanah dan peralatan	(20,797)	(30,987)
Rizab sedia dijual	(13,113)	(15,636)
	(33,910)	(46,623)
Ofset	<u>33,910</u>	<u>46,623</u>
Liabiliti cukai tertunda (selepas diofset)	-	-

12 BELUM TERIMA, DEPOSIT DAN BAYARAN TERDAHULU LAIN

Lain-lain belum terima	99,653	138,549
Deposit dan bayaran terdahulu	145,771	130,936
	<u>245,424</u>	<u>269,485</u>

13 TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

Tunai dan baki di bank	2,681,011	2,509,965
Deposit dengan institusi kewangan	3,298,603	2,904,064
	<u>5,979,614</u>	<u>5,414,029</u>

Kadar faedah purata wajaran yang berkuat kuasa pada akhir tahun kewangan adalah seperti yang berikut:

	2014 %	2013 %
Deposit dengan institusi kewangan	<u>3.5</u>	<u>3.3</u>

Deposit dengan institusi kewangan mempunyai tempoh kematangan purata 236 hari (2013: 34 hari).

BADAN PENGAWAS PEMEGANG SAHAM MINORITI BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia sebagai syarikat berhad menurut jaminan)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER, 2014 (SAMBUNGAN)

14 **KOMITMEN PAJAKAN OPERASI**

Pada tarikh penyata kedudukan kewangan, komitmen berhubung dengan pajakan operasi yang berkaitan dengan sewa yang perlu dibayar bagi pejabat yang diduduki oleh Syarikat di bawah perjanjian pajakan yang akan tamat pada 31 Mei 2015 (2013: 31 Mei 2015), perlu dibayar seperti yang berikut :

	<u>2014</u> RM	<u>2013</u> RM
Dalam 1 tahun	99,735	239,364
Dalam 2 hingga 5 tahun		99,735
	<u>99,735</u>	<u>339,099</u>

15 **PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN**

(a) **Risiko Pasaran**

Risiko pasaran ialah risiko apabila nilai saksama atau aliran tunai masa depan instrumen kewangan mengalami turun naik disebabkan perubahan dalam harga pasaran. Risiko pasaran Syarikat terutamanya timbul daripada kedudukan terbuka dalam aset berfaedah, setakat ianya terdedah kepada pergerakan pasaran umum dan khusus.

Memandangkan aset berfaedah Syarikat tidak menghasilkan amaun faedah yang besar, perubahan dalam kadar faedah pasaran tidak mempunyai apa-apa kesan langsung yang ketara ke atas pendapatan Syarikat.

(b) **Risiko Kredit**

Risiko kredit ialah risiko apabila satu pihak kepada sesuatu instrumen kewangan menyebabkan kerugian kewangan terhadap pihak yang satu lagi kerana gagal melaksanakan sesuatu obligasi. Syarikat tidak mempunyai tumpuan risiko kredit yang ketara. Risiko kredit timbul daripada geran belum terima, deposit dan bayaran terdahulu lain serta tunai dan baki di bank. Syarikat menstruktur tahap risiko kredit yang ia terima dengan meletakkan had ke atas dedaahnya kepada pihak berlawanan atau mana-mana institusi kewangan tunggal.

Dedahan maksimum Syarikat kepada risiko kredit mengikut kelas aset kewangan ialah seperti yang berikut:

	<u>2014</u> RM	<u>2013</u> RM
Belum terima, deposit dan bayaran terdahulu lain	99,653	138,549
Tunai dan kesetaraan tunai	<u>5,979,614</u>	<u>5,414,029</u>

BADAN PENGAWAS PEMEGANG SAHAM MINORITI BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia sebagai syarikat berhad menurut jaminan)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER, 2014 (SAMBUNGAN)

15 **PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)**

(b) Risiko kredit (sambungan)

Tumpuan risiko kredit Syarikat mengikut industri pada tarikh penyata kedudukan kewangan adalah seperti yang berikut:

<u>2014</u>	Institusi <u>Kewangan</u> RM	<u>Lain-lain</u> RM
Belum terima, deposit dan bayaran terdahulu lain Tunai dan kesetaraan tunai	<u>5,979,614</u>	<u>99,653</u> -
<u>2013</u>		
Belum terima, deposit dan bayaran terdahulu lain Tunai dan kesetaraan tunai	<u>5,414,029</u>	<u>138,549</u>

(c) Risiko Kecairan

Risiko kecairan ditakrifkan sebagai risiko semasa dan prospektif bagi perolehan, dana terkumpul atau reputasi yang timbul daripada ketidakmampuan Syarikat untuk memenuhi keperluan pendanaan atau obligasi kawal selia kini dan masa depan (dijangka dan tidak dijangka) dengan cekap apabila ia menjadi perlu dibayar, yang boleh memberi kesan buruk terhadap operasi hariannya dan menanggung kerugian yang tidak boleh diterima. Risiko kecairan timbul daripada ketakpadanan dalam pemasaan aliran tunai.

Liabiliti kewangan Syarikat tidak mempunyai kematangan yang tertentu.

(d) Nilai saksama instrumen kewangan

Instrumen kewangan terdiri daripada aset kewangan, liabiliti kewangan dan instrumen kewangan luar kunci kira-kira. Nilai saksama ialah amaun yang dengannya aset kewangan boleh ditukar atau liabiliti kewangan dilangsaikan, antara pihak yang berpengetahuan dan berkesanggupan dalam satu urusan niaga tulus.

Maklumat nilai saksama bagi instrumen bukan kewangan dan instrumen kewangan yang dikecualikan daripada skop MFRS 7 "Instrumen Kewangan: Pendedahan" tidak disediakan. Ini termasuk hartanah dan peralatan, cukai boleh pulih dan cukai tertunda.

Amaun dibawa aset kewangan dan liabiliti kewangan Syarikat setakat 31 Disember 2014 dan 31 Disember 2013 menyamai nilai saksamanya disebabkan oleh tempoh terhad kematangan instrumen ini atau kepekaan yang terhad kepada kadar faedah.

BADAN PENGAWAS PEMEGANG SAHAM MINORITI BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia sebagai syarikat berhad menurut jaminan)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER, 2014 (SAMBUNGAN)

15 **PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)**

(e) Pengurusan risiko modal

Objektif Syarikat apabila menguruskan modal ialah untuk melindungi keupayaan Syarikat untuk meneruskan sebagai usaha berterusan supaya dapat memberikan manfaat kepada pemegang sahamnya dan untuk mengekalkan struktur modal optimum untuk mengurangkan kos modal.

Syarikat tidak tertakluk kepada apa-apa keperluan modal yang dikenakan dari luar.

16 **KELULUSAN PENYATA KEWANGAN**

Penyata kewangan ini telah diluluskan untuk penerbitan selaras dengan resolusi Lembaga Pengarah pada 16 Februari 2015.

BADAN PENGAWAS PEMEGANG SAHAM MINORITI BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia sebagai syarikat berhad menurut jaminan)

PERNYATAAN PENGARAH
MENURUT SEKSYEN 169 (15) AKTA SYARIKAT, 1965

Kami, Tan Sri Datuk Dr Sulaiman Bin Mahbob dan Rita Benoy Bushon, dua daripada Pengarah Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, menyatakan bahawa, pada pendapat Pengarah, penyata kewangan yang dibentangkan pada halaman 5 hingga 25 telah disediakan untuk memberi gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Syarikat setakat 31 Disember 2014 serta prestasi dan aliran tunai kewangannya bagi tahun kewangan berakhir tersebut menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia ('MFRS'), Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa dan kehendak Akta Syarikat, 1965.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah sejajar dengan resolusi para Pengarah.

TAN SRI DATUK DR SULAIMAN BIN MAHBOB
PENGARAH

RITA BENOY BUSHON
PENGARAH

Kuala Lumpur
16 Februari 2015


AKUAN BERKANUN
MENURUT SEKSYEN 169 (16) AKTA SYARIKAT, 1965

Saya, Rita Benoy Bushon, Pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengakui bahawa penyata kewangan yang dibentangkan pada halaman 5 hingga 25 adalah, pada pendapat saya, betul dan saya membuat akuan ini dengan sepenuh kepercayaan bahawa ia adalah benar, dan memenuhi peruntukan Akta Akuan Berkanun 1960.

Sesungguhnya dan sebenarnya diakui oleh penama di atas Rita Benoy Bushon di Kuala Lumpur pada 16 Februari 2015

Di hadapan saya:

No: W465
SN
Nama: KAPT. JA IBIN YUSOFF
(BERSARA)



PESURUHJAYA SUMPAH

Lot 1.08, Tingkal I,
Bangunan KWSP, Jalan Raja Laut,
Kuala Lumpur



LAPORAN JURUAUDIT BEBAS
KEPADA AHLI-AHLI BADAN PENGAWAS
PEMEGANG SAHAM MINORITI BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia sebagai syarikat berhad menurut jaminan)
(No. Syarikat 524989 M)

LAPORAN KE ATAS PENYATA KEWANGAN

Kami telah mengaudit penyata kewangan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad pada halaman 5 hingga 25 yang terdiri daripada penyata kedudukan kewangan Syarikat setakat 31 Disember 2014, dan penyata pendapatan komprehensif, perubahan dalam dana am dan rizab dan aliran tunai Syarikat bagi tahun berakhir tersebut, serta ringkasan dasar perakaunan penting dan nota penjelasan lain, seperti yang dibentangkan pada Nota 1 hingga 16.

Tanggungjawab Pengarah terhadap Penyata Kewangan

Pengarah Syarikat bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan yang memberi gambaran yang benar dan saksama menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia, Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa dan Akta Syarikat, 1965, dan untuk kawalan dalaman sedemikian seperti yang para Pengarah tentukan sebagai perlu untuk membolehkan penyediaan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata penting, sama ada disebabkan penipuan atau kesilapan.

Tanggungjawab Juruaudit

Tanggungjawab kami adalah untuk memberikan pendapat tentang penyata kewangan ini berdasarkan keputusan audit kami. Kami telah menjalankan pengauditan mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut menghendaki kami mematuhi keperluan etika dan merancang serta melaksanakan audit bagi mendapatkan jaminan munasabah bahawa penyata kewangan ini adalah bebas daripada salah nyata penting.

Audit melibatkan pelaksanaan prosedur bagi mendapatkan bukti audit tentang amaun dan pendedahan dalam penyata kewangan. Prosedur yang dipilih bergantung pada pertimbangan kami, termasuk penilaian risiko akibat salah nyata yang penting dalam penyata kewangan, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko tersebut, kami mempertimbangkan kawalan dalaman yang berkaitan dengan penyediaan penyata kewangan oleh entiti yang memberi gambaran yang benar dan saksama bagi membentuk prosedur audit yang sesuai dengan keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk memberi pendapat tentang keberkesanan kawalan dalaman entiti. Audit juga melibatkan penilaian kesesuaian dasar perakaunan yang digunakan dan kewajaran anggaran perakaunan yang dibuat oleh para Pengarah, serta penilaian pembentangan keseluruhan penyata kewangan.

Kami yakin bahawa bukti audit yang kami peroleh adalah mencukupi dan sesuai untuk memberikan asas bagi pendapat audit kami.

**LAPORAN JURUAUDIT BEBAS
KEPADA AHLI-AHLI BADAN PENGAWAS PEMEGANG
SAHAM MINORITI BERHAD (SAMBUNGAN)**
(Diperbadankan di Malaysia sebagai syarikat berhad menurut
jaminan) (No. Syarikat 524989 M)

LAPORAN KE ATAS PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)

Pendapat

Pada pendapat kami, penyata kewangan ini telah disediakan selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia, Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa dan Akta Syarikat, 1965 supaya memberi gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Syarikat pada 31 Disember 2014 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir tersebut.

LAPORAN KEPERLUAN UNDANG-UNDANG DAN KAWAL SELIA LAIN

Selaras dengan keperluan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia, kami turut melaporkan bahawa pada pendapat kami, rekod perakaunan dan rekod lain serta daftar yang dikehendaki oleh Akta untuk disimpan oleh Syarikat telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta tersebut.

PERKARA-PERKARA LAIN

Laporan ini dibuat hanya untuk ahli-ahli Syarikat, sebagai sebuah badan, menurut Seksyen 174 Akta Syarikat, 1965 di Malaysia dan bukan untuk apa-apa tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab terhadap mana-mana pihak lain berkaitan kandungan laporan ini.

PRICEWATERHOUSECOOPERS
(Nombor AF: 1146)
Akauntan Bertauliah

SOO MOO KHOONYEAN
(Nombor 2682/10/15 (J))
Akauntan Bertauliah

Kuala Lumpur
16 Februari 2015